

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: SINAR HARIAN (KUALA SELANGOR.TANJONG KARANG)

TARIKH: 5 JANUARI 2018

MUKA SURAT: 23

Program lestari warisan alam sedia pelbagai aktiviti

TANJONGKARANG—Pertubuhan Warisan Alam Sekitar Malaysia akan menganjurkan Program Kelestarian Warisan Alam pada Sabtu ini di Kompleks Pelancongan Homestay Sungai Sireh.

Program yang dijangka bermula jam 7.30 pagi itu menyediakan pelbagai aktiviti menarik kepada pengunjung seperti persembahan kebudayaan, demonstrasi masakan tradisional dan pertandingan fotografi alam semula jadi.

Aktiviti lain turut diadakan seperti pertandingan mewarna, inovasi bahan kitar semula, kutip kumpul dan kira (3K) dan

pelbagai promosi serta pameran agensi kerajaan.

Upacara pelepasan peserta oleh Presiden Pertubuhan Warisan Alam Sekitar Malaysia, Datin Sri Profesor Dr Aishah Salleh dan perasmian disempurnakan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Orang ramai digalakkan menyertai pelbagai aktiviti menarik termasuk sukaneka rakyat empat penjuru yang akan diadakan Sekolah Kebangsaan Seri Gambut bermula jam 2 petang.